



SKIM KREDIT PENGGUNA (KENDERAAN)

A. PENGENALAN

Pinjaman Kenderaan adalah tertakluk di bawah Aturan Aktiviti Skim Kredit Pengguna Koperasi Tabung Haji Berhad (**KTHB**) untuk barangan Kenderaan.

B. TUJUAN

Tujuan aturan-aturan ini diwujudkan ialah untuk :-

- a) Mewujudkan skim kredit pengguna sebagai satu kemudahan bagi anggota ini bagi maksud yang berfaedah.
- b) Merancang skim kredit pengguna segala aktiviti berkaitan dengan kredit pengguna.
- c) Menjalankan aktiviti kredit pengguna itu dengan sempurna.
- d) Mengawal perjalanan aktiviti kredit pengguna itu.

C. SYARAT-SYARAT PEMOHON

Syarat-syarat kelayakan untuk menyertai skim ini adalah seperti berikut:

1. Menjadi anggota **KTHB** selama sekurang-kurangnya 6 bulan. Bagi anggota masuk semula, keanggotaan mestilah genap 18 bulan.
* Walau bagaimanapun, bagi anggota yang baru mendaftar dan ingin terus membuat pinjaman dikehendaki membuat bayaran sebanyak **RM 710.00** terlebih dahulu. (RM 500.00 = Syer, RM 180.00 (RM 30 x 6 bulan) = Yuran, RM 30.00 = Fi masuk)
2. Memiliki syer tidak kurang daripada RM500.00
3. Berpendapatan tetap dan mempunyai gaji bersih 40% daripada gaji pokok.
4. Mempunyai dua (2) orang penjamin bagi pemohon yang berkhidmat dengan Anak Syarikat TH. Pemohon yang berkhidmat di Lembaga Tabung Haji tidak perlu penjamin.
5. Anggota bertaraf jawatan kontrak adalah tertakluk di bawah tambahan syarat berikut:
 - Tempoh pembayaran balik pinjaman adalah mengikut tempoh kontrak pekerjaan.
 - Mempunyai dua (2) orang penjamin.

D. SYARAT-SYARAT PENJAMIN

1. Penjamin-penjamin mestilah terdiri daripada anggota Lembaga Tabung Haji atau Anak Syarikat TH.
2. Tiap-tiap seorang Anggota hanya boleh menjamin tidak lebih daripada 4 orang peminjam pada satu-satu masa.
3. Kedua-dua penjamin mestilah bertaraf jawatan tetap.

E. CARA MEMOHON

1. Mengisi dengan lengkap borang Skim Kredit Pengguna Barangan Kenderaan **KTHB/PTD-12/9**.
2. Menyertakan satu salinan kad pengenalan dan penyata gaji terkini yang telah disahkan bagi pemohon dan penjamin.
3. Salinan lesen memandu atas nama anggota yang sah.
4. Surat Sebut Harga asal yang dicop Syarikat pembekal.

F. JUMLAH PINJAMAN

Jumlah pinjaman minimum : RM1,000.00
Jumlah pinjaman maksimum : RM200,000.00

- Kadar keuntungan yang dikenakan ialah 3%
- Tempoh bayaran balik adalah sehingga 10 tahun.
- Setiap pinjaman yang diluluskan akan dikenakan yuran memproses seperti berikut yang ditolak daripada jumlah pinjaman yang diluluskan.

RM1,000.00-RM200,000.00 = RM100.00

- Peminjam perlu mengambil Pelan Takaful Keluarga Berkelompok Kredit daripada Syarikat Insurans yang dilantik oleh KTHB dan jumlah sumbangan akan ditambah daripada jumlah pinjaman yang diluluskan.
- Segala kos berkaitan pinjaman ini seperti perkhidmatan pos dan lain-lain adalah di bawah tanggungan peminjam dan akan ditolak daripada jumlah pinjaman yang diluluskan.
- Peminjam hendaklah membenarkan majikannya membuat apa-apa bayaran keterberhutangan dengan **KTHB** melalui apa-apa faedah kewangan seperti bonus tahunan, bayaran tertunggak, semakan gaji, faedah persaraan dan lain-lain insentif.

G. HAK MILIK ATAS KENDERAAN

1. Anggota yang mendapat Pinjaman / Pembiayaan Bertanggungjawab Untuk Meminta JPJ Mencatitkan Perkataan "HAK MILIK DITUNTUT OLEH KOPERASI TABUNG HAJI BERHAD" Di dalam Buku Pendaftaran Kenderaan Semasa Pendaftaran Dilakukan.
2. Pastikan sijil Pendaftaran Kenderaan dicop 'HAK MILIK DITUNTUT OLEH KOPERASI TABUNG HAJI BERHAD'.

H. PERATURAN SELEPAS KELULUSAN.

1. Bayaran hanya dibayar atas nama **Syarikat Kenderaan berdaftar** yang menguruskan pembelian
2. **Resit Pembelian** hendaklah diserahkan dalam tempoh 30 Hari selepas bayaran diterima beserta dengan **Cover Note** dan **Buku Pendaftaran** yang di "CATAT HAK MILIK DITUNTUT OLEH KOPERASI TABUNG HAJI BERHAD'.
3. Kegagalan mengakibatkan pinjaman akan **TERBATAL** dan **KTHB** akan menuntut jumlah pinjaman termasuk keuntungan melalui potongan gaji anggota sehingga tempoh pinjaman selesai.
4. Kenderaan yang dibeli hendaklah secara terus dan pinjaman tersebut tidak boleh digunakan untuk menyelesaikan baki pinjamannya yang lain yang diambil dengan Bank Komersial.
5. Kenderaan tidak boleh didaftarkan atas nama anggota sebelum permohonan diluluskan.
6. Kenderaan hendaklah dilindungi oleh Insuran yang dilantik oleh **KTHB**. Ahli tidak boleh mengambil insurans lain selain dari **KTHB**.

I. PENUTUP

Dengan wujudnya skim kredit pengguna untuk barangan kenderaan ini, adalah diharapkan agar anggota-anggota **KTHB** akan dapat menikmati kemudahan yang disediakan. Walaubagaimanapun, syarat-syarat dan peraturan di atas tertakluk kepada pindaan yang diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah **KTHB** dari masa ke semasa.